

**PENENTU PELABURAN LANGSUNG ASING DAN
PENGARUH TERHADAP TABURAN RUANGAN
DI SEMENANJUNG MALAYSIA**

NORLIZA BINTI ABD RAHMAN

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

2022

**PENENTU PELABURAN LANGSUNG ASING DAN
PENGARUH TERHADAP TABURAN RUANGAN
DI SEMENANJUNG MALAYSIA**

oleh

NORLIZA BINTI ABD RAHMAN

**Tesis diserahkan untuk
memenuhi keperluan bagi
Ijazah Doktor Falsafah**

April 2022

PENGHARGAAN

Alhamdulillah dengan limpah kurnia-Nya, dapat saya menyempurnakan penyelidikan ini dalam suatu tempoh yang panjang. Pertama sekali, ingin saya ucapkan terima kasih kepada pihak agensi yang terlibat dalam penyelidikan ini sama ada secara langsung atau tidak langsung terutamanya Jabatan Statistik dan MIDA kerana sudi berkongsi data bagi tujuan penyelidikan ini. Pada kesempatan ini saya ingin menzahirkan penghargaan kepada suami tercinta Zainihar Nawawi, ibu bapa dan adik-beradik yang tidak pernah berputus asa dalam memberi suntikan semangat sepanjang perjalanan penyelidikan ini dilakukan serta kesudian menyediakan bantuan kewangan tanpa rungutan. Saya juga ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada pensyarah-pensyarah bahagian geografi yang banyak memberi tunjuk ajar dan nasihat kepada saya, juga sahabat-sahabat yang turut sama berjuang dalam bidang penyelidikan. Setinggi-tinggi penghargaan dan penghormatan diberikan kepada penyelia utama saya iaitu Dr. Nooriah Yusof yang banyak membantu memberi galakan motivasi tanpa jemu serta tunjuk ajar dan juga penolong penyelia iaitu Professor Dr. Tarmiji Bin Masron yang banyak memberi dorongan dan cadangan berterusan sepanjang penyelidikan ini dilakukan. Tidak lupa juga kepada pensyarah pemeriksa saya iaitu Dr. Wan Mohd Muhiyuddin Wan Ibrahim, Profesor Dr. Ruslan Rainis, Profesor Dr. Moha Asri Abdullah dan Prof. Madya Dr. Sharifah Rohayah Sheikh Dawood yang sudi memberi tunjuk ajar dan rujukan pembetulan penyelidikan ini. Tanpa mereka semua, tidak mungkin saya dapat menyempurnakan tesis kajian ini.

ISI KANDUNGAN

PENGHARGAAN.....	ii
ISI KANDUNGAN.....	iii
SENARAI JADUAL	vii
SENARAI RAJAH.....	ix
SENARAI SINGKATAN	xiii
ABSTRAK	xv
ABSTRACT.....	xvi
BAB 1 Pengenalan.....	1
1.1 Pendahuluan	1
1.1 Latar Belakang Kajian.....	2
1.3 Isu dan Pernyataan Masalah Kajian	11
1.4 Objektif Kajian.....	18
1.4.1 Objektif Pertama	18
1.4.2 Objektif Kedua.....	19
1.4.3 Objektif Ketiga.....	20
1.5 Kerangka Kajian.....	21
1.6 Kawasan Kajian.....	25
1.7 Batasan Kajian	29
1.8 Sumbangan Kajian	32
1.9 Struktur Tesis	33
BAB 2 Sorotan Karya.....	34
2.1 Pengenalan.....	34
2.2 Pelaburan Langsung Asing (PLA).....	35
2.2.1 Penglibatan Syarikat Transnasional dalam PLA.....	38
2.2.2 Pelaburan Berorientasikan pasaran	41

2.2.3	Pelaburan Berorientasikan Sumber Penawaran	42
2.2.4	Pelaburan Berorientasikan Kos.....	43
2.3	Teori dalam Pelaburan Langsung Asing (PLA).....	45
2.4	Penentu-penentu dalam Pelaburan Langsung Asing.....	52
2.4.1	Saiz Pasaran dan Potensi Pertumbuhan	55
2.4.2	Keterbukaan (<i>Openness</i>).....	56
2.4.3	Kos Buruh dan Produktiviti	58
2.4.4	Kestabilan Politik.....	59
2.4.5	Infrastruktur	60
2.4.6	Kesan Perkelompokan dan Aglomerasi	63
2.4.7	Polisi dan Insentif Pelaburan	65
2.5	Tren Pelaburan Langsung Asing di Malaysia.....	66
2.6	Tahap Daya Saing Malaysia di Peringkat Global.....	75
2.7	Penentu-penentu dalam Pelaburan Langsung Asing.....	83
2.8	Kajian Empirikal Analisis Ruang Sistem Maklumat Geografi dalam PLA.....	89
2.9	Kesimpulan.....	97
BAB 3	METODOLOGI KAJIAN.....	98
3.1	Pendahuluan.....	98
3.2	Peringkat Kajian.....	99
3.2.1	Kajian Teoritikal	99
3.2.2	Pengumpulan Data	100
3.2.3	Kesimpulan Kajian dan Perbincangan	104
3.3	Pengesanan Corak dan Kelompok PLA.....	105
3.3.1	Autokorelasi Ruang.....	106
3.3.2	Getis-Ord General (<i>Global G-Statistic</i>).....	112
3.3.3	Analisis Anselin Local Moran I (<i>Cluster Outliers</i>).	114

3.3.4	Analisis Hot Spot (<i>Local Getis-Ord G Statistic</i>).....	119
3.3.5	Perbezaan Analisis Local Moran I dan Local Getis Ord G.....	121
3.4	Analisis Regresi Multilinear.....	121
3.4.1	Ordinary Least Square (OLS).....	125
3.4.2	Output Hasil Analisis.....	131
3.5	Masalah Dalam Analisis Ruangan Regresi Linear.....	132
3.5.1	Multikolineariti (<i>multicollinearity</i>).....	133
3.5.2	Heterogeniti ruangan (<i>Spatial Heterogeneity</i>).....	135
3.6	Kesimpulan.....	136
BAB 4	CORAK TABURAN RUANGAN PELABURAN LANGSUNG ASING DI SEMENANJUNG MALAYSIA PADA TAHUN 1980 HINGGA 2008.....	137
4.1	Pendahuluan	137
4.2	Corak Taburan PLA Di Semenanjung Malaysia Pada Tahun 1980 Hingga 2008.....	138
4.3	Anselin Local Moran I (<i>Cluster Outliers</i>) dan Analisis Hot Spot (<i>Getis Ord G</i>).....	145
4.4	Pengaruh PLA Terhadap Aglomerasi Ekonomi di Semenanjung Malaysia	172
4.5	Faktor Ketidakseimbangan Taburan PLA di Semenanjung Malaysia	184
BAB 5	PENGARUH PENENTU PELABURAN LANGSUNG ASING DI SEMENANJUNG MALAYSIA	187
5.1	Pendahuluan	187
5.2	Pengaruh Penentu PLA di Semenanjung Malaysia Pada Tahun 1980, 1991 dan 2000.....	188
5.3	Pengaruh Infrastruktur Fizikal Kepada Pelaburan Asing.....	199
5.4	Pengaruh Polisi dan Insentif Terhadap Kemasukan PLA Ke Semenanjung Malaysia	210
BAB 6	RUMUSAN DAN PENUTUP.....	213
5.1	Pendahuluan	213

5.2	Peranan Kerajaan terhadap kemasukan PLA	214
5.3	Peranan Infrastruktur Yang Cepak.....	217
5.4	Kajian Pada Masa Akan Datang	219
	BIBLIOGRAFI	221

SENARAI JADUAL

	Halaman
Jadual 1.0	Sumbangan Sektor Perindustrian dan Pertanian Kepada KDNK di Malaysia, 1960- 2005..... 7
Jadual 1.1	Kod dan Senarai Daerah 28
Jadual 2.0	Kerangka OLI Paradigma Eklektik untuk Pengeluaran Antarabangsa..... 50
Jadual 2.1	Pengelasan penentu PLA 53
Jadual 2.2	Purata Aliran Kemasukan PLA Ke Negara-negara Asia Pada Tahun 1992 Hingga 2005 (Juta USD) 78
Jadual 2.3	Kedudukan Negara Pelabur ke Malaysia dan Jumlah Pelaburan yang Diluluskan pada Tahun 2013 81
Jadual 2.4	Kedudukan Malaysia dalam Tahap Daya Saing Global 83
Jadual 2.5	Senarai Kilang di Kulim Hi-tech 87
Jadual 3.0	Sisihan Piawai 109
Jadual 4.0	Aliran PLA di Malaysia Mengikut Negara Pada Tahun 1990 Hingga 1999..... 142
Jadual 4.1	Hasil Autokorelasi Ruangan Indeks Global Moran I dan Statistik General G Pelaburan Langsung Asing Dalam Sektor Pembuatan Pada Tahun 1980 Hingga 2008..... 144
Jadual 4.2	Hasil Corak Analisis Anselin Local Moran I Bagi Pelaburan Langsung Asing Pada Tahun 1980, 1985, 1990, 1995, 2000, 2005 dan 2008 Mengikut Daerah di Semenanjung Malaysia 146
Jadual 4.3	Sisihan Piawai Skor Z Bagi Analisis Hotspot Pada Tahun 1980..... 147
Jadual 4.4	Sisihan Piawai Skor Z Pada Tahun 1985 151
Jadual 4.5	Sisihan Piawai Skor Z Pada Tahun 1990 155
Jadual 4.6	Sisihan Piawai Skor Z Pada Tahun 1995 158

Jadual 4.7	Sisihan Piawai Skor Z Pada Tahun 2000	162
Jadual 4.8	Sisihan Piawai Skor Z Pada Tahun 2005	166
Jadual 4.9	Sisihan Piawai Skor Z Pada Tahun 2008	169
Jadual 4.10	Hasil Perkelompokan Local Moran I dan Hotspot di Semenanjung Malaysia Pada Tahun 1980 Hingga 2008	172
Jadual 5.0	Ujian Normaliti PLA Tahun 1980, 1991 dan 2000.....	188
Jadual 5.1	Ringkasan MLR PLA Tahun 1980	190
Jadual 5.2	OLS PLA dengan dua pembolehubah Pada Tahun 1980.....	191
Jadual 5.3	Ringkasan MLR PLA Tahun 1991	193
Jadual 5.4	OLS PLA dengan dua pembolehubah Pada Tahun 1991.....	193
Jadual 5.5	Ringkasan MLR PLA Tahun 2000	196
Jadual 5.6	OLS PLA dengan dua pembolehubah Pada Tahun 2000.....	196
Jadual 5.7	Jumlah Kargo yang dikenadalikan mengikut pelabuhan pada tahun 1999 hingga 2008 ('tan kargo)	203
Jadual 5.8	Jumlah kargo yang dikendalikan mengikut lapangan terbang (tidak termasuk kargo transit)	206

SENARAI RAJAH

	Halaman
Rajah 1.0	Prestasi PLA di Malaysia, 1980-2019.....5
Rajah 1.1	Taburan Lokasi PLA di Semenanjung Malaysia, 1980-2008..... 15
Rajah 1.2	Kerangka Konseptual Dalam Kajian PLA22
Rajah 1.3	Kod Daerah Kajian27
Rajah 1.4	Kitaran Ekonomi30
Rajah 1.5	Peratus KDNK di Malaysia Pada Tahun 1980 hingga 2020.....31
Rajah 2.0	Mod Penglibatan Syarikat Transnasional Asing Dalam Ekonomi Negara Host40
Rajah 2.1	Jangkaan Ekonomi Tuan Rumah (Host Economy) Tertinggi Syarikat Transnasional (TNCs) bagi Tahun 2014-2016 Teratas44
Rajah 2.2	Faktor yang Mempengaruhi Tren PLA.....48
Rajah 2.3	Kajian Empirikal Potensi dan Saiz Pasaran yang Signifikan berkaitan dengan Aliran Kemasukan PLA.....54
Rajah 2.4	Impak Bukan Monotonik Oleh Penurunan Kos Pengangkutan62
Rajah 2.5	Kerangka Berlian Porter.....64
Rajah 2.6	Aliran masuk bersih Pelaburan Langsung Asing di Malaysia (BoP, semasa USD).....68
Rajah 2.7	Pergerakan Tukaran Bandingan Ringgit Malaysia Pada Tahun 1980 Hingga 201369
Rajah 2.8	Jumlah Pelaburan Asing Dan Domestik (RM) Dalam Sektor Pembuatan Yang Diluluskan Pada Tahun 1980 Hingga Tahun 2013.....71
Rajah 2.9	Struktur Pengeluaran di Malaysia Pada Tahun 1980 Hingga 2013 ...72
Rajah 2.10	Prestasi Pelaburan Langsung Asing di Malaysia Tahun 2015.....74

Rajah 2.11	Peratus Keluaran Dalam Negara Kasar Pada Tahun 1980 Hingga 2019.....	74
Rajah 2.12	Kemasukan Jumlah Kemasukan PLA ke Malaysia Pada Tahun 1980 Hingga 2019.....	77
Rajah 2.13	Pelaburan Langsung Asing (PLA) Pada Tahun 2010 Hingga 2018 ..	79
Rajah 2.14	Penyumbang Utama Aliran PLA Mengikut Rantau Pada Tahun 2018.....	79
Rajah 2.15	Taburan Pelaburan Asing Pada Tahun 2008.....	85
Rajah 2.16	Taman Teknologi Tinggi Kulim	86
Rajah 2.17	Analisis LISA dan Hotspot di China Pada Tahun 2000.....	95
Rajah 3.0	Aliran Metodologi Kajian	99
Rajah 3.1	Aliran Data dan Analisis Kajian	103
Rajah 3.2	Ilustrasi Corak Autokorelasi Ruangan	107
Rajah 3.3	Sisihan Piawai Nilai Z	108
Rajah 3.4	Ilustrasi Statistik Anselin Local Moran I.....	115
Rajah 3.5	Indeks Signifikan Local Moran I.....	116
Rajah 3.6	Sukuan Titik Taburan Moran I	118
Rajah 3.7	Ilustrasi Analisis Hot Spot (Getis-Ord G_i^*).....	119
Rajah 3.8	Ilustrasi Regresi Multilinear	124
Rajah 3.9	Plot Berselerak (Scatter Plots)	127
Rajah 3.10	Nilai yang dipantau (y), nilai yang diramal (p) dan garis regresi	128
Rajah 4.0	Skor Z Bagi Global Moran I dan Getis Ord G Pada Tahun 1980 hingga 2008.....	140
Rajah 4.1a	Taburan Corak Analisis Local Moran I Pada Tahun 1980	148
Rajah 4.1b	Taburan Corak Analisis Hotspot Pada Tahun 1980.....	149
Rajah 4.2a	Taburan Corak Analisis Local Moran Pada Tahun 1985.....	152

Rajah 4.2b	Taburan Corak Analisis Hotspot Pada Tahun 1985.....	153
Rajah 4.3a	Taburan Corak Analisis Local Moran I Di Semenanjung Malaysia Pada Tahun 1990.....	156
Rajah 4.3b	Taburan Corak Analisis Hotspot Di Semenanjung Malaysia Pada Tahun 1990	157
Rajah 4.4a	Taburan Corak Analisis Local Moran I Di Semenanjung Malaysia Pada Tahun 1995.....	159
Rajah 4.4b	Taburan Corak Analisis Hotspot Di Semenanjung Malaysia Pada Tahun 1995	160
Rajah 4.5a	Taburan Corak Analisis Local Moran I Di Semenanjung Malaysia Pada Tahun 2000.....	163
Rajah 4.5b	Taburan Corak Analisis Hotspot Di Semenanjung Malaysia Pada Tahun 2000	164
Rajah 4.6a	Taburan Corak Analisis Local Moran I Di Semenanjung Malaysia Pada Tahun 2005.....	167
Rajah 4.6b	Taburan Corak Analisis Hotspot Di Semenanjung Malaysia Pada Tahun 2005	168
Rajah 4.7a	Taburan Corak Analisis Local Moran I Di Semenanjung Malaysia Pada Tahun 2008.....	170
Rajah 4.7b	Taburan Corak Analisis Hotspot Di Semenanjung Malaysia Pada Tahun 2008	171
Rajah 4.8	Kawasan Perindustrian Utama Johor, Iskandar Malaysia.....	175
Rajah 4.9	Kawasan Utama Perindustrian di Melaka.....	177
Rajah 4.10	Kawasan Perindustrian dan Pembangunan Penang Cyber City (PCC) Pulau Pinang	179
Rajah 4.11	Kawasan Perindustrian Utama Kedah, Taman Perindustrian Kulim	180

Rajah 4.12	Perbandingan Lokasi dan Jumlah PLA dalam Pembuatan di Wilayah Utara Semenanjung Malaysia Pada Tahun 1990 (Kiri) dengan Tahun 2008 (Kanan).....	181
Rajah 4.13	Kawasan Perindustrian Utama Bahagian Timur Semenanjung Malaysia, Special Economic Zone (SEZ)	183
Rajah 4.14	Kawasan Perindustrian Minyak, Gas dan Petrokimia Bahagian Timur Semenanjung Malaysia	186
Rajah 5.0	Graf dan Plot Scatter PLA Pada Tahun 1980, 1991 dan 2000.....	189
Rajah 5.1a	Graf MLR Tahun 1980	190
Rajah 5.1b	Plot Scatter MLR Tahun 1980	190
Rajah 5.2	OLS PLA Tahun 1980	192
Rajah 5.3a	Graf MLR Tahun 1991	194
Rajah 5.3b	Plot Scatter MLR Tahun 1991	194
Rajah 5.4	OLS PLA Tahun 1991	195
Rajah 5.5a	Graf MLR Tahun 2000	197
Rajah 5.5b	Plot Scatter MLR Tahun 1991	197
Rajah 5.6	OLS PLA Tahun 2000	198
Rajah 5.7	Statistik Infrastruktur Jalan raya, Pelabuhan dan Lapangan Terbang di Malaysia pada Tahun 2010 Hingga 2015	201
Rajah 5.8	Densiti Lebuhraya dan Pelaburan Langsung Asing di Semenanjung Malaysia Pada Tahun 2008	209
Rajah 5.9	Koridor Ekonomi Di Malaysia Pada Tahun 2020.....	212

SENARAI SINGKATAN

ASQ	Airport Service Quality
BEE	Berasaskan Elektrik Elektronik
BNM	Bank Negara Malaysia
ECER	East Coast Economic Region
ECERDC	East Coast Economic Region Development Council
ETP	Economic Transformation Programme
FDIDSS	Foreign Direct Investment Decision Support System
FIDA	Federal Investment Development Authority
FTZ	Free Trade Zone
GIPC	Gebeng Integrated Petrochemical Complex
GIS	Geography Information System
GWR	Geographically Weighted Regression
IHP	Indeks Harga Pengguna
IHPR	Indeks Harga Pengeluar
IM	Iskandar Malaysia
IMF	International Monetary Fund
IRDA	Iskandar Regional Development Authority
JKR	Jabatan Kerja Raya
JPM	Jabatan Perangkaan Malaysia
KDNK	Keluaran Dalam Negara Kasar
KHTP	Kulim Hi-Tech Park
KIPC	Kerteh Integrated Petrochemical Complex
KLIA	Kuala Lumpur International Airport
KNK	Keluaran Negara Kasar
LLM	Lembaga Lebuhraya Malaysia
LMI	Local Moran i
MAS	Malaysia Airlines
MIDA	Malaysian Investment Development Authority
MLR	Multilinear Regression
MITI	Ministry of International Trade and Industry
MNC	Multinational Corporation

MNE	Multinational Enterprise
MOT	Ministry of Transport Malaysia
NCER	Northern Corridor Economic Region
NCER	Northern Corridor Economic Region
OECD	Organization for Economic Co-Operation and Development
OLI	Ownership, Location and Internationalisation
OLS	Ordinary Least Square
P & P	Penyelidikan dan Pembangunan
PCC	Penang Cyber City
PEMANDU	Pengurusan Prestasi dan Pelaksanaan
PETRONAS	Petroleum Nasional Berhad
PIPC	Pengerang Integrated Petroleum Complex
PLA	Pelaburan Langsung Asing
RECODA	Regional Corridor Development Authority
SCORE	Sarawak Corridor of Renewable Energy
SDC	Sabah Development Centre
SEDIA	Sabah Economic Development and Investment Authority
SEZ	Special Economic Zones
SIJORI	Singapura, Johor, Riau
TNC	Transnational Corporation
TNC	Transnational Corporation
UNCTAD	United Nations Conference on Trade and Development
USAID	United States Agency for International Development
USD	United States Dollar
WIR	World Investment Report
WTO	World Trade Organization

PENENTU PELABURAN LANGSUNG ASING DAN PENGARUH TERHADAP TABURAN RUANGAN DI SEMENANJUNG

ABSTRAK

Malaysia merupakan sebuah negara yang mengalami transformasi ekonomi sejak tahun 1960an. Pelaburan Langsung Asing (PLA) mula menjadi mekanisme utama dalam merangsang pertumbuhan ekonomi Malaysia. Kemasukan PLA ke Malaysia banyak dipengaruhi oleh faktor penentu ekonomi dan ruang yang berlaku sejak dasar dan polisi kerajaan diperkenalkan. Walau bagaimanapun faktor lokasi merupakan aspek penting yang perlu dilihat kerana keputusan syarikat dan tidak semestinya dipengaruhi oleh polisi dan insentif cukai semata-mata namun mengambil kira faktor lain seperti aglomerasi industri, tenaga buruh dan perkelompokan pelaburan domestik. Banyak kawasan ekonomi seperti *Special Economic Zone* dan *Free Trade Zone* dibuka untuk memberi lebih banyak peluang dan pilihan kepada pelabur terutama dalam sektor pembuatan. Kehadiran PLA ke Malaysia secara langsung telah menyebabkan berlaku ketidakseimbangan taburan ruangan. Elemen ruangan tidak dapat dipisahkan dalam ekonomi dan Sistem Maklumat Geografi (GIS) telah membantu dalam menjelaskan proses ruangan yang berlaku. Analisis ruangan Moran I dan analisis statistik *Multiple Linear Regression* diintegrasikan untuk menguji faktor penentu yang mempengaruhi kemasukan PLA tanpa mengabaikan aspek ruangan. GIS adalah penting terutamanya kepada pembuat dasar kerana ia boleh mempersembahkan perubahan ruangan secara visualisasi untuk memudahkan pemahaman kepada pelbagai golongan berbanding hanya menggunakan kaedah statistik konservatif.

THE DETERMINANTS OF FOREIGN DIRECT INVESTMENT AND THE IMPACT ON SPATIAL DISTRIBUTION IN PENINSULAR MALAYSIA

ABSTRACT

Malaysia is a country that has undergone economic transition since the 1960s. Foreign Direct Investment (FDI) is the mechanism for promoting Malaysia's economic growth. The FDI inflow into Malaysia is greatly influenced by economic sector and spatial factors that have occurred since the policies and incentives were introduced by the government. Location factors are an important aspect, as company decisions are not necessarily influenced by tax policies and incentives. It is also determined by other factors such as industrial agglomeration, labor force and domestic investment. Many economic zones such as Special Economic Zones and Free Trade Zones were opened to provide more opportunities and options for investors, especially in the manufacturing sector. However, the FDI to Malaysia indirectly has caused an imbalance of spatial distribution. Spatial elements are inseparable in economics and Geographic Information Systems (GIS) have helped in explaining spatial processes. Moran I statistics and Multiple Linear Regression statistics analysis were integrated to test the determinants of FDI in Malaysia. GIS is an important tool especially for policy makers because it helps to understand the data and results by representing the analysis visually compared to conservative statistical methods.

BAB 1

PENGENALAN

1.1 Pendahuluan

Malaysia merupakan sebuah negara membangun yang mengamalkan ekonomi terbuka dengan menggalakan kemasukan Pelaburan Langsung Asing (PLA) sebagai mekanisme penggerak kepada pertumbuhan ekonomi negara. Bagi merealisasikan matlamat ini, kerajaan telah memperkenalkan beberapa polisi dan dasar ekonomi bagi menggalakkan kemasukan PLA seperti Zon Perdagangan Bebas atau *Free Trade Zone (FTZ)* pada awal tahun 1970an selepas Akta Pelaburan Insentif 1968 diperkenalkan dan disusuli oleh polisi terbuka pada lewat 1980an. Kebergantungan Malaysia kepada perdagangan asing memberi pelbagai impak positif dan negatif kepada sosioekonomi negara. Bagi menggalakkan kemasukan pelaburan asing, kerajaan mula memberi fokus dalam peningkatan mutu infrastruktur, penawaran tenaga buruh serta memperkenalkan beberapa lokasi baru kawasan Zon Perdagangan Bebas dan Zon Ekonomi Khas (*Special Economic Zone*) dengan tujuan mewujudkan lagi persekitaran perdagangan yang sihat. Strategi ini memperlihatkan keberhasilan dengan menempatkan Malaysia di kedudukan tangga ke-12 daripada 190 negara sebagai negara yang mempunyai persekitaran perdagangan sihat pada tahun 2020 (World Bank, 2020). Dalam bab pertama pengenalan, latar belakang kajian, isu dan permasalahan kajian, objektif kajian, batasan kajian serta struktur tesis akan dibincangkan .

1.2 Latar Belakang Kajian

Proses industrialisasi di Malaysia telah dilaksanakan sejak tahun 1957 dengan mewujudkan peluang-peluang pekerjaan dan mempelbagaikan sektor ekonomi negara. Ketidakupayaan sektor pertanian menampung pertumbuhan guna tenaga serta permintaan pasaran luar negara yang tidak menentu telah menyebabkan strategi perindustrian diperkenalkan bagi meningkatkan prestasi ekonomi negara (Noorah dan Tarmiji, 2008). Malaysia mula mengalami transformasi ekonomi daripada ekonomi berasaskan pertanian kepada perindustrian disebabkan kepentingan dalam kestabilan sektor perindustrian. Menurut Hirschman (1958), sektor yang mempunyai rantaian industri yang kuat dapat membantu meningkatkan pembangunan sektor-sektor yang berkaitan yang mempunyai hubungan pembekalan input dan pemasaran.

PLA merupakan indikator penting dalam globalisasi ekonomi kerana mobiliti modal yang merentasi sempadan nasional mampu meningkatkan pendapatan negara melalui aliran kemasukan modal asing ke dalam negara terutamanya kebanjiran syarikat multinasional asing. Perdagangan merentasi sempadan negara bukan hanya membawa aliran masuk modal asing malah secara langsung membawa kepada perpindahan teknologi dan kepakaran terutama dalam sektor perindustrian oleh syarikat multinasional (MNC) yang menjalankan pelaburan asing (Kuroiwa dan Mun Heng, 2008). Kemasukan PLA sekaligus mewujudkan peluang pekerjaan, perpindahan teknologi serta meningkatkan pertumbuhan ekonomi melalui aliran masuk perdagangan asing (Robert, 2002) terutamanya dalam kalangan negara-negara membangun (Gudaro et al., 2012).

Hal ini kerana pelaburan asing secara langsungnya mempengaruhi faktor endowmen jangka pendek dan jangka panjang serta memberi implikasi yang signifikan terutamanya terhadap pembangunan ekonomi (Chen dan Stocker, 2003). Pada tahun 1996, terdapat sejumlah 44 ribu syarikat multinasional dan 280 ribu anak syarikat dan cawangan di seluruh dunia yang berperanan dalam menguruskan pengeluaran secara global dan memperuntukkan sumber dengan mengoptimumkan margin (Gao Shangquan, 2000). Peningkatan jumlah syarikat multinasional di seluruh dunia meningkat dengan pesat setiap tahun dan keadaan ini mewujudkan peluang-peluang kepada kemunculan industri hiliran dan huluan yang juga berkaitan oleh usahawan tempatan (Noorah dan Tarmiji, 2009) serta mampu mewujudkan aglomerasi ekonomi kepada sesebuah kawasan.

Namun begitu, terdapat beberapa implikasi negatif daripada aglomerasi ekonomi antaranya adalah mewujudkan pembangunan yang tidak seimbang di wilayah berkenaan disebabkan oleh penumpuan perpindahan modal di kawasan tertentu sahaja, perpindahan buruh, perdagangan, dasar kerajaan pusat, kesan rantaian antara wilayah dan kemudahan awam kerana PLA lazimnya lebih banyak menumpu ke kawasan yang menawarkan kelebihan ekonomi yang boleh merendahkan kos pengeluaran dan daya saing yang tinggi iaitu di wilayah yang lebih maju (Katiman Rostam, 2006). Oleh itu, kawasan yang mempunyai kelebihan bandingan (*comparative advantage*) akan lebih cenderung menarik PLA ke kawasan berkenaan berbanding dengan kawasan yang kurang kelebihan bandingan. Pelebaran jurang pembangunan antara wilayah di Malaysia amat berkait rapat dengan dasar dan strategi perindustrian yang dilaksanakan sekitar awal 1970an


terutamanya selepas kerajaan persekutuan melaksanakan Zon Perdagangan Bebas (FTZ) melalui Lembaga Kemajuan Perindustrian Persekutuan (FIDA) pada tahun 1971.

Kewujudan zon perdagangan ini telah berjaya menarik minat para pelabur tempatan dan pelabur asing untuk melabur ke kawasan perindustrian tersebut dan kebanyakannya terletak di wilayah lebih maju seperti di wilayah tengah yang meliputi Selangor, Melaka, Negeri Sembilan dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (Hasnah Ali dan Jamilah Laidin, 2008). Kedatangan PLA ke Malaysia telah membuka banyak peluang pekerjaan terutama dalam sektor perindustrian dengan permintaan tenaga buruh mahir mahupun separa mahir yang semakin meningkat (Utusan, 2017). Penggubalan Akta Galakan Pelaburan dilaksanakan bertujuan untuk menarik PLA ke dalam sektor perindustrian. Selepas Akta Galakan Pelaburan telah dilaksanakan pada tahun 1968, Zon Perdagangan Bebas telah dibina di beberapa buah lokasi bagi menarik pelaburan asing di Malaysia (Norain dan Nooriah, 2014). Kemasukan modal asing ke sesebuah kawasan sangat bergantung kepada aglomerasi ekonomi terutamanya dalam sektor pembuatan yang mengeluarkan jenis produk yang hampir sama antara satu sama lain seperti kilang elektrik dan elektronik.

Faktor jarak adalah penting kepada pengeluar mahupun pembekal kerana ia mampu menjimatkan kos pengeluaran dan kos pengangkutan operasi. Kawasan perindustrian yang mempunyai infrastruktur yang baik memberi gambaran positif kemasukan PLA ke kawasan berkenaan. Ikuo Kuroiwa dan Toh Mun Heng (2008) juga berpendapat bahawa aglomerasi telah menjadi salah satu pencetus kepada penentu kepada pelabur asing untuk melabur ke sesebuah kawasan. Hal ini kerana aglomerasi telah memaksa sektor industri bertapak di kawasan berkenaan untuk mendapatkan

kemudahan seperti penjimatan dalam aspek kos pengangkutan dan logistik, eksternaliti pengetahuan.

Tumpuan kepada pembangunan berorientasikan eksport diwujudkan sejak Akta Galakan Pelaburan 1968 diwujudkan. Syarikat asing memiliki sekurang-kurangnya 10 peratus pegangan ekuiti syarikat di Malaysia yang meliputi pelaburan dalam bentuk instrumen kewangan (MIDA, 2016). Rajah 1.0 menunjukkan prestasi PLA di Malaysia pada tahun 1980an hingga tahun 2019. Tren kemasukan PLA ke Malaysia meningkat setiap tahun, namun terdapat beberapa sedikit penurunan iaitu pada tahun 2000 hingga 2001 dan juga 2007 hingga 2009 berikutan kemelesetan ekonomi dunia yang berlaku pada tahun-tahun tersebut.



Rajah 1.0 Prestasi PLA di Malaysia, 1980-2019

Sumber : Jabatan Perangkaan Malaysia, 2020

Peralihan aktiviti ekonomi sektor pertanian pada tahun 1970an dan seterusnya sektor pembuatan pada tahun 1990an telah menyumbang kepada peningkatan pelaburan asing sejak penghujung dekad 1980an diikuti sektor perkhidmatan pada tahun 2000an (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2020). Jadual 1.0 menunjukkan sumbangan kepada sektor KDNK dalam sektor perindustrian dan pertanian antara tahun 1960an hingga 2005. Sektor perindustrian menunjukkan peningkatan yang ketara selepas tahun 1980an berbanding dengan sektor pertanian. Manakala peratusan sektor pertanian dilihat jauh lebih rendah berbanding sektor perindustrian terutamanya pada tahun 2005 iaitu hanya tujuh peratus daripada sektor pertanian dan 35.8 peratus dalam sektor perindustrian jauh lebih tinggi daripada sektor pertanian. Hal ini disebabkan oleh kemampuan sektor perindustrian dilihat lebih relatif berbanding dengan sektor pertanian. Dasar Pertanian Negara Pertama telah digubal pada tahun 1984 demi menampung sektor komoditi negara namun dalam Dasar Pertanian Negara Kedua (1992 hingga 2010), dasar ini telah dinaik taraf untuk memaksimumkan keuntungan dan persaingan agar ia setaraf dengan sektor-sektor lain di Malaysia (Rancangan Malaysia Ketujuh, 1996).

**Jadual 1.0 Sumbangan Sektor Perindustrian dan Pertanian Kepada KDNK di
Malaysia, 1960- 2005**

Tahun	Perindustrian		Pertanian	
	(RM Juta)	Peratus (%)	(RM Juta)	Peratus (%)
1960	453	9.0	1976	38.0
1965	682	10.4	2066	31.5
1970	1354	13.2	3383	30.0
1975	2850	16.4	4804	27.7
1980	5054	19.3	6172	23.6
1985	11263	19.7	11854	20.8
1990	21340	26.9	14799	18.6
1995	45174	27.1	17115	10.3
2000	69867	33.4	18154	8.7
2005	107237	35.8	21018	7.0

Sumber : Nooriah, 2006

Menurut Katiman Rostam (2006), terdapat beberapa faktor penumpuan industri ke sesebuah kawasan antaranya adalah kewujudan peluang pemasaran yang luas, ekonomi luaran dan perkelompokan industri, kemudahan bekalan tenaga buruh, dasar kerajaan dan kepelbagaian kemudahan infrastruktur. Peluang pasaran yang luas mampu menjana pertumbuhan perindustrian kerana terdapat permintaan tinggi oleh penduduk di kawasan itu sendiri. Kemasukan PLA juga memberi impak kepada pertumbuhan kepadatan penduduk terutama ke kawasan yang menawarkan peluang pekerjaan seperti di bandar dan kawasan perindustrian.

Perkelompok sektor perindustrian yang dipengaruhi oleh dasar kerajaan pada awalnya secara langsung telah mewujudkan lanskap aglomerasi ekonomi di kawasan industri tersebut. Perkelompokan industri telah dikenalpasti di beberapa buah kawasan antaranya adalah Bayan Lepas Pulau Pinang, Klang Selangor, Kulim Kedah dan beberapa kawasan yang dilihat telah mengalami tumpuan sektor perindustrian. Salah satu tarikan pelabur ke tempat tersebut adalah dengan adanya insentif cukai dan pembangunan wilayah seperti kawasan Zon Perdagangan Bebas dan Zon Ekonomi Khas. Langkah liberalisasi dan insentif cukai yang dilaksanakan berpotensi menarik PLA dan memberi impak terhadap peningkatan sektor pekerjaan serta mampu memperluaskan kawasan ekonomi (Mohamed Rizwan et. al, 2014).

Proses liberalisasi dan pemberian insentif cukai menyebabkan syarikat multinasional (MNC) menubuhkan operasi pengeluaran di Malaysia sekaligus mewujudkan pasaran eksport baru. Industri-industri di Malaysia kebanyakannya terletak dalam lingkungan lebih 200 buah kawasan perindustrian atau taman perindustrian serta 18 buah Zon-zon Perindustrian Bebas (FIZ) yang dibangunkan di seluruh negara (MIDA, 2015). Menurut Edward (2010), aglomerasi ekonomi mempunyai kelebihan apabila berlaku kemasukan firma dan manusia ke sesebuah lokasi akan menyebabkan perkelompokan industri yang dipengaruhi oleh kedekatan antara firma dan manusia. Kelebihan perkelompokan industri adalah pengurangan kos pengeluaran terutamanya yang melibatkan jarak (Junfu Zhang, 2003).

Setiap firma akan berusaha untuk mengoptimalkan keuntungan dan mengurangkan kos pengeluaran dengan mengambil kira faktor seperti perkelompokan industri serta ketersediaan infrastruktur yang baik bagi memudahkan urusan perdagangan dilakukan terutamanya dalam perpindahan produk perindustrian. Porter (1990) berpendapat bahawa penumpuan atau perkelompokan firma dalam sesebuah wilayah adalah berkait rapat dengan sokongan pembekal dan perkhidmatan yang disediakan di kawasan perindustrian. Penumpuan ke kawasan industri secara langsung menarik populasi penduduk ke tempat tersebut dengan adanya penawaran sektor pekerjaan. Hal ini selari dengan kajian yang dilakukan oleh Gupta dan Wang (2009) dimana negara China dan India menawarkan pasaran tenaga buruh besar mampu menarik kemasukan PLA yang tinggi melalui banyak syarikat MNE dalam pelbagai sektor.

Penawaran tenaga buruh yang ramai terutama dalam sektor pembuatan juga merupakan indikator yang perlu dikaji bagi menunjukkan tahap signifikan kemasukan PLA ke sesebuah lokasi. Kualiti tenaga buruh juga merupakan antara faktor penting yang boleh mempengaruhi kelebihan daya saing firma-firma individu dan menjadi keperluan asas yang penting untuk membangunkan pengelompokan industri (Nooriah dan Katiman, 2008). Selain daripada faktor penawaran tenaga buruh, pelaburan domestik juga merupakan penentu kepada kemasukan PLA. Dalam teori perbahasan yang berkaitan dengan pengaruh pelaburan domestik dengan PLA terdapat dua pendapat yang ketara iaitu yang pertama, aglomerasi ekonomi dan kesan polarisasi dan yang kedua adalah maklumat asimetri (*asymmetry*). Teori kelebihan MNC menawarkan penjelasan terutama dalam aglomerasi ekonomi.

Kesan aglomerasi dan externaliti antara firma (*interfirm externalities*) mencipta hubungan antara pelabur domestik dan asing (Lautiera dan Moreau, 2012). Dalam kajian ini, pelaburan domestik dan tenaga buruh menjadi faktor penentu kepada kemasukan PLA di Malaysia. Dua pembolehubah ini dipilih berdasarkan dengan teoritikal yang dilakukan. Menurut OECD (2002), negara membangun dan negara yang sedang mengalami proses peralihan pesat seperti Malaysia, akan melihat PLA sebagai sumber pembangunan ekonomi dan permodenan, pertumbuhan pendapatan dan peluang pekerjaan. Pelaburan domestik dilihat turut memberi impak kepada PLA. Sebagai contohnya di Nepal, menteri industrinya Nabindra Raj Joshi menggesa pelabur tempatan meningkatkan meningkatkan jumlah pelaburan nasional memandangkan pelaburan domestik mempunyai peranan penting dalam menarik PLA selain menggesa sektor swasta terlibat sama dalam menjayakan inisiatif tersebut (The Himalayan Times, 2017). PLA membantu merangsang pelaburan domestik dengan meningkatkan persaingan pasaran tempatan, memperluaskan akses pasaran antarabangsa terhadap produk tempatan, menjana faktor luaran serta limpahan pengetahuan terhadap pelabur di sesuatu kawasan (Blomstrom and Kokko, 2000).

Selain itu, kajian ini juga memilih populasi tenaga buruh berdasarkan kajian negara China yang telah direkod sebagai destinasi penerima PLA terbesar dalam kalangan negara membangun kerana penawaran buruh yang ramai dan murah (Hao Huang dan Yehua, 2011). Menurut Abdul Aziz et. al (2012) memandangkan kelebihan penduduk yang besar, ia telah dihipotesiskan bahawa MNE akan membuat pelaburan besar di negara-negara dengan penduduk yang lebih besar.

1.3 Isu dan Pernyataan Masalah Kajian

Teknologi GIS merupakan bahagian penting dalam struktur data ruangan. Ia ditakrifkan sebagai teknologi, dasar, piawaian, sumber manusia dan sebarang aktiviti berkaitan yang diperlukan untuk memperoleh, memproses, mengedar, menyelenggara, menggunakan dan memelihara data ruangan. Pelbagai jenis maklumat boleh dibandingkan dengan menggunakan sistem GIS seperti populasi, pendapatan dan tahap pendidikan. Ia merangkumi maklumat tentang lanskap ruangan seperti lokasi kilang, jalan raya, bandar utama dan sebagainya (National geographic Encyclopedic Entry, 2017). Dalam ekonomi, GIS boleh dipetakan dengan menggunakan komponen ruangan, menjana data ruangan tambahan sebagai input kepada analisis statistik serta mengira jarak objek kejiranan. GIS juga memperkenalkan ekonomi dengan data-data baru seperti data ruangan yang mempunyai ciri latitud dan longitud (Overman, 2018).

Kajian PLA dalam bidang ekonomi dan geografi ekonomi sentiasa menjadi perbincangan dalam kalangan penyelidik. Pelbagai jenis kaedah digunakan dalam menganalisis data pelaburan PLA antara yang terkenal adalah kaedah ekonometrik iaitu model statistik matematik yang menggunakan data untuk menguji hipotesis serta meramal aliran pelaburan pada masa hadapan (Adam, 2020). Kaedah tradisional seperti korelasi antara PLA dengan indikator seperti keluaran dalam negara kasar banyak digunakan untuk melihat prestasi pembangunan sesebuah negara (Eduard et. al, 2015). Namun dalam mengkaji PLA, kaedah statistik tradisional tidak dapat memaparkan secara visual terutamanya dalam memperlihatkan elemen ruangan.


Analisis data pelaburan dan transformasi lanskap ruangan memerlukan aplikasi Sistem Maklumat Geografi untuk mempersembahkan corak perubahan ruangan yang berlaku disebabkan oleh kewujudan PLA ke sesebuah kawasan dengan lebih baik. Gabungan kaedah tradisional seperti aplikasi perisian *Statistical Package for the Social Sciences* (SPSS) dan moden seperti ArcMAP 10.1 dapat menjelaskan perubahan ruangan dan pengaruh penentu kemasukan PLA di Malaysia antara tahun 1980 hingga 2008. Menurut Hao Huang (2014), kaedah tradisional dalam bidang ekonomi yang digunakan adalah bersifat perbandingan statik dan penyelidik perlu menentukan hasil keadaan keseimbangan yang stabil (*stable equilibrium outcomes*). Selain itu, kaedah analisis tradisional tidak mampu mengendalikan kedinamikan evolusi kesan institusi seperti kemunculan corak kelompok baru dan serakan serta trajektori lain yang berakar umbi dalam masa sejarah.

Boschma dan Martin (2010) juga berpendapat bahawa analisis ruangan adalah lebih praktikal berbanding dengan analisis statistik konvensional kerana aspek lokasi adalah bersifat dinamik. Tidak banyak kajian di Malaysia menggunakan aplikasi Sistem Maklumat Geografi dalam menjelaskan pengaruh penentu kemasukan PLA secara ruangan. Penggunaan analisis ruangan seperti Moran I mampu mempersembahkan perubahan corak kelompok yang sentiasa berubah mengikut keadaan semasa. Kajian terperinci dalam PLA menggunakan analisis GIS masih kurang mendapat sambutan dalam kalangan penyelidik di Malaysia. Oleh itu, analisis ruangan yang dilakukan dengan penggunaan Sistem Maklumat Geografi boleh menunjukkan kedinamikan proses perubahan ruangan yang berlaku disebabkan oleh kemasukan PLA ke Malaysia.

Dalam mengkaji faktor penentu yang mempengaruhi kemasukan PLA, analisis *Multiple Linear Regression* (MLR) digunakan untuk melihat hubungan antara penentu terpilih dengan PLA. Manakala analisis Moran I digunakan untuk melihat corak taburan PLA yang berlaku di semenanjung Malaysia pada tahun 1980 hingga 2008. Penentu pelaburan adalah berbeza antara sesebuah negara bergantung kepada keadaan ekonomi semasa yang berlaku di negara tersebut. Pemantauan awal mendapati kawasan perindustrian yang mempunyai pelaburan asing yang tinggi mempunyai corak taburan jenis bertumpu dan ia tidak berselerak ke kawasan berhampiran walaupun terdapat kepadatan tinggi dalam sektor perindustrian. Oleh itu, data ruangan dalam tempoh 1980 hingga 2008 akan digunakan bagi melihat sama ada terdapat perubahan limpahan ke kawasan lain sepanjang tempoh berkenaan atau pun tidak. Berbanding dengan kaedah tradisional, kaedah Moran I dapat memperlihatkan taburan dan kepadatan PLA pada tahun terpilih. Selain daripada itu, proses ruangan yang berlaku dapat ditunjukkan dengan mengintegrasikan data ruangan dan bukan ruangan iaitu data pelaburan, tenaga buruh, serta lokasi perindustrian di Semenanjung Malaysia. Corak taburan ini cuba dibuktikan dengan lebih jelas melalui analisis Sistem Maklumat Geografi.

Rajah 1.1 menunjukkan taburan lokasi PLA yang terdapat di Semenanjung Malaysia pada tahun 1980 hingga 2008. Berdasarkan pemerhatian awal mendapati kawasan yang mempunyai pelaburan asing yang tinggi antaranya adalah Pulau Pinang, Selangor, dan Johor. Sebelum dan selepas dasar perindustrian dilaksanakan di Malaysia, kawasan yang mempunyai pelaburan asing yang tinggi adalah bertumpu di kawasan yang sama iaitu Pulau Pinang, Selangor, Johor dan beberapa daerah di bahagian Pantai Timur.

Kawasan-kawasan ini tidak mempunyai perbezaan yang ketara dari segi taburan pelaburan asing pada tahun 1980 dan 1990. Tren pelaburan asing di Malaysia antara tahun 1980 hingga 2007 menunjukkan ketidakstabilan dalam volume pelaburan yang banyak dipengaruhi oleh iklim ekonomi global (Nooriah dan Tarmiji, 2008). Polisi dan dasar kerajaan dalam meningkatkan pelaburan dalam sektor perindustrian dan secara langsung mewujudkan jurang pembangunan kawasan terutama kawasan pinggir bandar dilihat mengalami ketidakseimbangan. Sejak awal tahun 1960-an, pemerintah telah memberi perhatian terhadap masalah-masalah ketidakwujudan pembangunan di wilayah-wilayah pinggir atau mundur. Proses industrialisasi diandaikan bahawa ia mampu meningkatkan ekonomi negara dan sekaligus proses yang sama boleh meletakkan ekonomi wilayah mundur atau pinggir ini di trajektori pembangunan yang lebih memuaskan (Morshidi & Abibullah, 1991). Namun begitu, proses industrialisasi dilihat tidak mampu mengatasi masalah jurang ekonomi malah berlaku ketidakseimbangan taburan ruang sosio ekonomi setempat. Oleh itu, kajian ini cuba untuk membuktikan sama ada pengaruh tenaga buruh dan pelaburan domestik mempengaruhi kemasukan PLA ataupun tidak.



Rajah 1.1 Taburan Lokasi PLA di Semenanjung Malaysia, 1980-2008

Terdapat tiga jenis pembangunan wilayah di Semenanjung Malaysia yang berkaitan dengan PLA antaranya ialah Wilayah Ekonomi Pantai Timur atau *East Coast Economic Region* (ECER), Wilayah Ekonomi Koridor Utara atau *Northern Corridor Economic Region* (NCER) dan Iskandar Malaysia. Menurut Rancangan Fizikal Negara (2010) strategi pembangunan wilayah adalah untuk memudahcara perkembangan perbandaran dan industri serta memastikan penggunaan infrastruktur yang optimum. Berdasarkan data PLA pada peringkat awal mendapati negeri yang mempunyai PLA yang paling tinggi dalam sektor pembuatan adalah Pulau Pinang, Johor dan Selangor. Menurut Bevan dan Estrin (2000), ekonomi berskala besar lebih berpotensi untuk menarik PLA ke sesebuah kawasan.

Kerajaan telah melaksanakan dasar yang cemerlang bagi menarik PLA ke kawasan yang telah diwartakan seterusnya meningkatkan pendapatan negara melalui kemasukan modal asing. Namun sejauh mana keberhasilan peranan kerajaan dalam menarik PLA mampu mempengaruhi taburan ruangan. Kajian ini cuba untuk membuktikan penentu PLA mempunyai pengaruh yang signifikan terhadap kemasukan PLA dari aspek ruang dan lokasi. Antara penentu yang dilihat memberi pengaruh kepada kedatangan PLA adalah penawaran tenaga buruh dan kewujudan pelaburan domestik. Merujuk kajian yang dilakukan oleh Resmini (2000) mendapati bahawa sektor pembuatan dalam PLA negara-negara kawasan Tengah dan Timur Eropah dengan populasi yang besar cenderung untuk menarik lebih PLA. Oleh itu, pembolehubah tenaga buruh sebagai salah satu penentu yang mempengaruhi PLA wajar diambil kira dan dikaji. Kehadiran banyak syarikat multinasional asing besar telah membawa kesan yang positif kepada pembangunan ekonomi.

Sejak era 1990-an memperlihatkan beberapa negeri yang dikategorikan di wilayah pinggir ini mula menerima kemasukan pelaburan asing yang agak memberangsangkan seperti Kedah, Melaka dan Negeri Sembilan (Noorah dan Tarmiji, 2008). Manakala negeri Johor, Pulau Pinang dan Selangor mempunyai kawasan perindustrian yang pesat berbanding di negeri-negeri lain. Penumpuan PLA ke kawasan ini menjadi persoalan apabila limpahan ekonomi hanya berlaku di kawasan tertentu. Proses perubahan ruang di sesebuah kawasan adalah berbeza disebabkan oleh faktor polisi, aglomerasi ekonomi atau faktor-faktor luaran lain. Penumpuan kawasan perindustrian akan dipaparkan dalam bentuk pemetaan bagi memperlihatkan jenis taburan perindustrian yang berlaku sejak tahun 1980 hingga tahun 2008 sama ada bertumpu atau berselerak.

Ketidakteraturan corak ruang yang berlaku cuba dibuktikan dengan menganalisis data pelaburan dalam Sistem Maklumat Geografi. Walaupun kerajaan berusaha sedaya upaya mengambil pelbagai langkah untuk mengatasi ketidakseimbangan wilayah, jurang ketidaksamaan pembangunan antara wilayah maju dan wilayah kurang maju telah menunjukkan trend semakin melebar (Hasnah Ali et. al, 2011). Analisis Sistem Maklumat Geografi adalah penting memandangkan ia berkemampuan membuktikan hubungan yang signifikan antara kemasukan PLA dengan penentu PLA terpilih serta mempersembahkan hasil analisis dalam bentuk pemetaan bagi memudahkan rujukan penyelidikan pada masa hadapan. Hubungan pelaburan dan proses perubahan taburan ruang adalah dinamik dan memerlukan aplikasi yang mampu mempersembahkan kedinamikan proses tersebut. Aplikasi seperti ArcMap

digunakan dengan menggabungkan elemen statistik dan ruangan bagi mempersembahkan perubahan dan pengaruh PLA ke sesuatu tempat.

1.4 Objektif Kajian

Kajian ini mempunyai tiga (3) objektif yang ingin dicapai, antaranya adalah :

- 1.4.1 Menganalisis pola dan corak taburan PLA dalam sektor pembuatan di Semenanjung Malaysia pada tahun 1980 hingga 2008.
- 1.4.2 Mengkaji hubungan antara penentu terpilih dengan kemasukan PLA di sesebuah kawasan.
- 1.4.3 Membantu dalam penilaian pembuat dasar terhadap kawasan PLA di Semenanjung Malaysia.

1.4.1 Objektif Pertama

Dalam objektif pertama, pola dan corak taburan PLA antara tahun 1980 hingga 2009 akan dilihat dengan menggunakan analisis statistik ruangan Moran I dan Getis Ord G. Analisis ini digunakan mengesan corak ruangan yang berlaku sama ada berkelompok, berselerak atau tiada corak. Data yang digunakan adalah daripada tahun 1980 hingga 2008 iaitu selama tempoh masa 28 tahun. Analisis Indeks Moran I dan Getis Ord G berupaya menghasilkan corak ruangan kawasan sejuk (*coldspot*) dan kawasan panas (*hotspot*). Ruangan yang padat akan menunjukkan analisis kawasan *hotspot*. Manakala kawasan *coldspot* akan menunjukkan lokasi tersebut mempunyai tahap penumpuan atau

signifikan yang sangat rendah. Selain itu, analisis Getis Ord G juga dilakukan untuk memperlihatkan pengaruh dan perubahan taburan yang berlaku di sesebuah kawasan.

Analisis ini juga mempunyai sedikit perbezaan dengan analisis ruangan Moran I kerana ia akan mengukur darjah perkelompokan nilai yang tinggi dan rendah (*High Low*) dalam statistik ruangan. Analisis data awal mendapati penumpuan kawasan PLA dipengaruhi oleh beberapa faktor antaranya adalah tenaga buruh, aglomerasi ekonomi seperti pelaburan domestik dan kemudahan infrastruktur kawasan selain daripada pengaruh dasar dan insentif kerajaan. Penjelasan pola perubahan dan corak yang berlaku akan disokong dengan merujuk laporan-laporan pelaburan daripada *World Investment Report* (WIR), *Malaysian Investment Development Authority* (MIDA), *Ministry of International Trade and Industry* (MITI) dan lain-lain sumber yang berkaitan. Objektif pertama ini adalah penting untuk mengenalpasti pengaruh PLA terhadap perubahan ruangan yang berlaku sepanjang tempoh tahun 1980 hingga 2008 di Semenanjung Malaysia.

1.4.2 Objektif Kedua

Pada peringkat awal kajian, sorotan karya dilakukan bagi memilih penentu yang berpotensi menjagi taburan kemasukan PLA ke Semenanjung Malaysia. Kriteria penentu yang dipilih adalah berdasarkan kajian oleh penyelidik dalam dan luar negara yang mempunyai perbezaan asas ekonomi negara dan persekitaran ekonomi yang hampir sama dengan Malaysia. Terdapat dua aplikasi yang digunakan untuk menguji hubungan antara penentu PLA dengan kemasukan PLA ke Semenanjung Malaysia. Aplikasi

perisian ArcMap digunakan untuk menganalisis statistik ruangan manakala analisis SPSS akan digunakan untuk melihat sama ada penentu PLA mempengaruhi kemasukan PLA atau tidak.

Memandangkan hasil analisis dalam SPSS tidak boleh dipetakan, perisian ArcMap boleh digunakan untuk menunjukkan hubungan PLA dengan penentu PLA di sesebuah kawasan. Pemilihan penentu atau pemboleh ubah dalam kajian ini diselaraskan mengikut kesesuaian kajian dan analisis dilakukan bagi pengaruh penentu PLA ke Semenanjung Malaysia dalam konteks ruangan.

1.4.3 Objektif Ketiga

Dalam objektif ketiga, penilaian analisis ruangan akan diperbahaskan terutamanya dalam melihat aspek kepentingan kepada pembuat polisi dan dasar kerajaan terhadap taburan sesebuah lokasi pelaburan. Pelabur lazimnya tertarik dengan tawaran yang disediakan oleh pihak kerajaan seperti pengecualian cukai dan penawaran tenaga buruh yang ramai. Namun begitu, ketidakseimbangan ruangan boleh berlaku disebabkan oleh polisi kerajaan yang hanya bertumpu kepada lokasi tertentu sahaja. Sekiranya berlaku kepadatan yang tinggi, limpahan sektor ekonomi di sesebuah kawasan akan beralih ke kawasan sekitar. Kewujudan polisi dan dasar kerajaan secara tidak langsung boleh melebarkan jurang ekonomi yang antara kawasan. Oleh itu, hasil analisis dalam objektif kedua akan digunakan untuk melihat lokasi baru yang berpotensi serta membantu kerajaan dalam menilai aspek lain dalam usaha menarik PLA ke Malaysia.

1.5 Kerangka Kajian


Antara konsep dan teori berkaitan yang sering dikaitkan dengan penentu PLA di sesebuah lokasi adalah teori lokasi Neoklasik. Teori ini menjelaskan kelebihan yang ditawarkan oleh sesebuah kawasan bagi menggalakkan kemasukan PLA ke kawasan tersebut. Dalam kajian ini, penentu dalam teori neoklasik akan digunakan iaitu kelebihan bandingan, aglomerasi ekonomi dan peranan institusi. Kelebihan bandingan diukur berdasarkan perbandingan kos dan keuntungan yang maksimum dari segi tenaga buruh. Dalam teori perintis yang dikemukakan oleh Stephen Hymer (1976) menjelaskan PLA terbahagi kepada dua bentuk iaitu pelaburan menegak (*vertical investment*) dan pelaburan mendatar (*horizontal investment*).

Pelaburan jenis menegak ditentukan dengan kemasukan pasaran dan persaingan. Manakala pelaburan mendatar dilihat dengan faktor kos buruh dan tahap produktiviti. Faktor tenaga buruh merupakan faktor utama yang memberi pengaruh besar dalam menarik PLA. Kadar upah juga memberi kesan kepada kemasukan PLA selain daripada kos sumber yang terdapat di kawasan tersebut (Coughlin Segev, 2000). Rajah 1.2 menunjukkan kerangka konseptual yang boleh diringkaskan dalam kajian PLA ini. Dalam menarik kemasukan PLA, peranan lokasi dilihat menjadi elemen utama yang mempengaruhi keputusan pelabur asing. Terdapat tiga teori lokasi yang memperjelaskan kemasukan PLA antaranya adalah Teori Ekonomi Neoklasik, Geografi Ekonomi Baru

dan Institusi Ekonomi. Teori Neoklasik merupakan pendekatan ekonomi yang berkaitan dengan penawaran, permintaan dan memaksimalkan keuntungan (Hao Huang, 2014).

Teori Neoklasik termasuk teori organisasi industri oleh Stephen Hymer dan teori lokasi industri oleh Alfred Weber adalah berasaskan keuntungan maksimum daripada segi kos dan akses pasaran yang bertumpu kepada kelebihan bandingan (Hao Huang, 2014).

Teori Neoklasik dan teori Geografi Ekonomi Baru merujuk kepada dua prinsip iaitu memaksimalkan dan keseimbangan. Berdasarkan kedua-dua prinsip tersebut, teori Neoklasik dibangunkan dengan pelbagai strategi saintifik sah seperti siasatan ke atas lokasi, statistik dan analisis korelasi. Secara perbandingannya, persembahan kedua-dua prinsip dalam mana-mana model matematik dianggap sebagai asas yang kukuh untuk mengintegrasikan isu-isu ruang ke dalam arus perdana geografi ekonomi baru (Krugman, 1991). Manakala peranan institusi seperti pihak kerajaan bertanggungjawab dalam memberi tumpuan kepada proses evolusi ekonomi dan membentuk tingkah laku ekonomi melalui dasar dan polisi yang diperkenalkan bagi menarik kemasukan PLA.



Rajah 1.2 Kerangka Konseptual Dalam Kajian PLA

Antara penentu kemasukan PLA ke sesebuah kawasan adalah kelebihan bandingan yang ditawarkan di sesebuah kawasan, aglomerasi ekonomi dan peranan institusi kerajaan seperti mewujudkan dasar dan insentif galakan pelaburan bagi menarik minat pelabur asing (Alonso, 1964). Dalam teori pertumbuhan Neoklasik juga menyatakan bahawa PLA merupakan sebuah saluran yang mampu menjana modal dan membantu meningkatkan kadar pertumbuhan ekonomi melalui modal margin. Perspektif neoklasik menunjukkan pertumbuhan sesebuah ekonomi memerlukan komitmen modal pelaburan dalam bentuk jangka panjang (Samuel Adams, 2009). Selain itu PLA juga dilihat mempunyai korelasi positif dengan pertumbuhan ekonomi dengan memperlihatkan impak positif terhadap pembangunan ekonomi dengan menekankan peranan teknologi, kecekapan dan produktiviti pengeluaran dalam sektor yang terlibat (Lim, 2001).

Menurut Dunning (1994) dalam teori elektik dalam PLA menyatakan bahawa sesebuah firma perlu mempunyai beberapa kelebihan mutlak berbanding dengan firma-firma lain dari segi kecekapan yang merupakan teras sesebuah firma seperti kecekapan dalam teknologi dan mencipta cop dagangan (*trademark*). Aglomerasi ekonomi menjadi penentu kepada PLA melalui penumpuan atau perkelompokan aktiviti ekonomi disesebuah kawasan. Dalam kajian ini, perkelompokan dilihat dengan kewujudan sektor perindustrian daripada pelaburan domestik dan juga jumlah tenaga buruh yang ada di sesebuah kawasan. Apabila firma dan manusia berada berhampiran antara satu sama lain di sesebuah bandar atau kelompok industri ia secara langsung memberi manfaat dalam pelbagai cara, termasuk dengan mengurangkan kos pertukaran barangan dan idea.